

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ [RAUB]**
TARIKH : 20 NOVEMBER 2014
SOALAN :

YB Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bilakah hasil kajian selidik pihak Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Raub telah mengadakan suatu kajian selidik ke atas impak lombong Raub Australian Goldmine ke atas alam sekitar dan kesihatan awam mahu dikemukakan kepada responden; dan
- (b) mengapakah kajian ini mengambil masa yang terlalu lama untuk dibentangkan kepada penduduk.

Tuan Yang di-Pertua,

Aduan telah diterima oleh penduduk Kampung Bukit Koman melalui Jawatankuasa Menentang Penggunaan Sianid di Perlombongan Emas (BCAC) mengenai masalah kesihatan yang kemungkinan disebabkan oleh pencemaran Sianid kepada persekitaran oleh Raub Australian Gold Mine pada tahun 2009. Sehubungan dengan itu, beberapa survei dan

kajian telah dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bersama Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Walau bagaimanapun, tiada bukti saintifik diperolehi untuk menunjukkan bahawa terdapat pencemaran oleh Sianid di Kampung Bukit Koman.

Mesyuarat telah diadakan di antara pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan pihak BCAC dan agensi lain yang berkaitan pada 12 Julai 2012 dan 13 Ogos 2012 di mana, persetujuan telah dibuat untuk menjalankan kajian bersama untuk memastikan punca masalah kesihatan di Kampung Bukit Koman dapat dikaji menggunakan metodologi yang saintifik, standard dan telus.

Walaupun bagaimanapun, pihak BCAC dan KKM tidak dapat bersetuju mengenai pakar luar yang akan dijemput untuk menyertai kajian tersebut. KKM juga telah bermesyuarat dengan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mendapat sokongan teknikal. Pihak WHO hanya dapat memberi maklumat tambahan tetapi tidak dapat memberi input kepakaran teknikal terhadap analisis dan keputusan kajian di Kampung Bukit Koman.

Sebanyak lima (5) kem kesihatan telah diadakan di Kampung Bukit Koman dikendalikan oleh pakar kulit, pakar perubatan, pegawai perubatan dan jururawat KKM. Daripada kem tersebut, seramai 17 penduduk telah dilakukan ujian *Patch Test* di mana, seramai 11 orang didapati mempunyai alahan kepada haptan. Walau bagaimanapun, keputusan *Patch Test* tidak dapat memberi bukti masalah kesihatan di sebabkan pendedahan kepada Sianid.

Seterusnya KKM melalui Institut Kesihatan Umum (IKU) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IPP), telah menjalankan kajian tersebut pada tahun 2013-2014, di mana penduduk Kampung Bukit Koman telah dikaji menggunakan soal selidik dan juga ujian air kencing bagi logam berat. Kajian persekitaran telah juga dilakukan untuk mengkaji kewujudan pencemaran persekitaran Raub. Kajian telah dilakukan di Kampung Bukit Koman dengan kampung lain di Raub sebagai Kampung Kawalan.

Walau bagaimanapun, hasil kajian yang diperolehi adalah "*inconclusive*". Kumpulan pakar telah menentukan bahawa kajian selanjutnya perlu dijalankan untuk mendapat maklumat saintifik dan kukuh mengenai pencemaran persekitaran Kampung Bukit Koman dan kemungkinan masalah kesihatan disebabkan pencemaran sebegini.

Memandangkan bahawa keputusan kajian adalah "*inconclusive*", kumpulan pakar telah berpendapat bahawa keputusan tidak dapat dibentangkan sehingga kajian seterusnya dijalankan.